
[BIL. 11 DIS 2018](#)

Resolusi ke arah pencapaian visi UMP Teknologi

Oleh: ROHANA OTHMAN, JABATAN HAL EHWAL KORPORAT & KUALITI (JHKK)

Buat julung kalinya seramai 80 orang barisan ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan pengurusan jabatan dan pegawai kanan universiti berkumpul dalam program *UMP Team Excellence* bagi mengumpul merealisasikan visi UMP sebagai Universiti Teknologi Terunggul yang mampan dari segi kewangan serta ber

Program komprehensif anjuran Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti (JHKK) dan Jabatan Pendaftar yang Lumpur pada 2 Disember 2018 yang lalu itu telah dirasmikan oleh Pengerusi LPU, Dato' Sri Ibrahim A Pemudahcara (*Moderator*) sepanjang program berlangsung.

Menurutnya Dato' Sri Ibrahim, semua peserta berpeluang melontarkan pandangan, cadangan dan k terhadap Masa Hadapan Cemerlang, Kemampanan Kewangan, Melahirkan Graduan Holistik dan Ma Termaju dan *MyGift*.

"Penglibatan program ini juga sebagai medium bagi mengeratkan hubungan dan berkongsi informasi da hala tuju UMP sebagai sebuah Universiti Awam dan sebagai salah satu universiti teknikal (MTUN) bagi Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT)," katanya

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim yang juga sebagai *Mod Team Excellence* adalah selari dengan fasa Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang kini semakin menghan untuk merealisasikan hasrat Pelan Strategik UMP 2016-2020 bertemakan 'Menjana Kegemilangan'.

"Penglibatan hampir semua ahli LPU dalam program ini merupakan satu petunjuk bahawa sokongan dan visi UMP iaitu Universiti Teknologi Terunggul akan dapat direalisasikan," ujar beliau.

Bagi ahli LPU, Haji Ahmad Zakie Haji Ahmad Shariff, yang juga bertindak sebagai *moderator* berkata, ter bersifat di luar kotak yang boleh dijadikan resolusi bagi pelaksanaan segera untuk memastikan kecemerlan

Pengisian program ini juga adalah hasil cetusan idea Pengerusi LPU melalui beberapa siri perbincanga memastikan objektif dan *outcome* program dapat dicapai.

Program ini turut memberikan peluang secara langsung buat peserta untuk berinteraksi secara terus der terutamanya bagi menggarap cadangan dan idea untuk meningkatkan tahap kecemerlangan universiti.

Di samping itu juga dapat memberikan peluang kepada ahli LPU untuk mendalami situasi, operasi dan per

**UMP, BASF PETRONAS meterai kerjasama dalam pertukaran tek
pembangunan bakat**

Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai peneraju dalam bidang kejuruteraan dan teknologi serta Memorandum Persefahaman (MoU) dengan BASF PETRONAS Chemicals Sdn. Bhd. (BPC) yang merupakan syarikat multinasional di negara ini pada 18 Disember 2018 yang lalu di Dewan Bankuet, Canselori Tun Abdul Razak, UMP Pekan.

Usaha ini bakal mengukuhkan hubungan kerjasama dalam pertukaran teknologi dan pembangunan manufaktur untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan (GE) berkompentensi.

Kerjasama ini membabitkan tujuh bidang utama iaitu program pengambilan bakat (BPC's GROW), program kecemerlangan industri, penempatan latihan industri untuk staf dan pelajar, program kepimpinan dan kepakaran dalam penyelidikan dan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan berkaitan program.

UMP yang diwakili Naib Canselornya, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Penolong Naib Canselori, Profesor Dr. Jamil Ismail manakala pihak BPC diwakili oleh Pengarah Urusan BPC, Dr. Sven Crone dan Zairul Alwi.

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, dengan kepakaran saintifik dan teknologi dalam bidang ini, UMP mempunyai kelebihan besar terutamanya dalam pertukaran kepakaran, pembangunan penyelidikan, latihan dan jaringan industri.

"Peluang untuk bekerjasama dengan BPC ini membolehkan universiti mendapat manfaat daripada kepakaran dan pengoptimuman proses dan pembangunan sumber manusia," katanya.

“Kerjasama ini melibatkan jalinan kerjasama pembangunan penyelidikan dan perkongsian kemudahan, dan lain sumber untuk manfaat bersama,” katanya.

Sementara itu, Dr. Sven Crone berkata, majlis menandatangani perjanjian persefahaman ini tepat pada kerjasama sedia ada.

“Kolaborasi ini bakal memanfaatkan hubungan baik dengan lebih aktif dan menang-menang antara kedua-dua pihak dan UMP.

Dalam majlis yang sama turut menyaksikan penyerahan replika cek sumbangan Hadiah Kecemerlangan yang disampaikan Dr. Sven Crone kepada Profesor Dato’ Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim untuk pelajar cemerlang.

Turut hadir sama dalam majlis, Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Zulkarnain (Site Services), Shahrany Mohd. Akil dan Pengarah Operasi, Jan Peter Bredehoeft.

Hasil kerjasama ini juga bakal merealisasikan hasrat universiti dalam Pelan Strategik UMP 2016-2020 dengan menggembeng bakat-bakat yang ada di universiti ini secara strategik bagi memastikan kepakaran bagi manfaat masyarakat di peringkat akar umbi termasuklah Projek Universiti Komuniti yang digerakkan dan teknologi.

**UMP, Yayasan Sime Darby sumbang kelengkapan sekolah dalam
Sekolah ‘Huluran Kasih’**

Seramai 300 pelajar sekolah rendah dan menengah yang terdiri daripada anak-anak golongan berpendapatan rendah di Pekan seronok menerima pakaian dan kelengkapan sekolah baharu dalam program Kembali ke Sekolah (KKS) Pahang (UMP) dengan kerjasama Yayasan Sime Darby (YSD) di UMP Pekan pada 12 Disember 2018 yang lalu.

Hadir menyampaikan sumbangan adalah Ahli Lembaga Pengarah UMP, Dato' Aishah Shaikh Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hajah Yatela Zainal Abidin, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Jamil M. Yusoff, Pengerusi, merangkap Pendaftar, Abd Hamid Majid.

Program ini merupakan hasil sumbangan pihak YSD untuk meraikan anak-anak dari 60 buah sekolah di Pekan. Program ini akan datang dan sebagai usaha membantu meringankan beban keluarga.

Setiap daripada mereka menerima sepasang baju sekolah, kasut, stokin, alat tulis dan beg sekolah.

Menurut Profesor Dr. Jamil, program ini hasil kerjasama erat antara pihak UMP dan Yayasan Sime Darby. Program ini strategik kedua-dua pihak yang telah sedia terbina.

“UMP sentiasa terbuka dan bersedia untuk meneroka ruang dan potensi kolaborasi strategik yang lebih luas,” katanya.

“Ini termasuk perkongsian kepakaran saintifik dan teknikal universiti ini dengan fokus urusan dan teras YSD iaitu *Corporate Social Innovation (CSI)*,” katanya.

“Selaras dengan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020, pihak pengurusan universiti ini komited untuk melaksanakan medium utama iaitu kepakaran teknologi dan gerak kerja kesukarelawanan,” katanya.

Dalam hubungan ini, pelbagai inisiatif libat sama sosial (*social engagement*) sedang dan akan diatur giatkan untuk memastikan khususnya rakyat di Negeri Pahang Darul Makmur menerima manfaat daripada kewujudan universiti ini.

Justeru, bagi menjayakan agenda Universiti Komuniti dalam kerangka pelaksanaan Pelan Strategik UMP sentiasa menyambut baik sebarang hasrat daripada mana-mana jabatan, agensi, syarikat berkaitan kerajaan atau individu untuk berkolaborasi dalam pelbagai bentuk demi faedah umum.

Program ini bukan pengagihan peralatan sekolah semata-mata, malahan pihak YSD bersama 30 orang de- gotong-royong di 12 buah rumah yang merupakan penerima manfaat program *Facelift* UMP yang telah dija-

Sehingga kini, sebanyak 114 buah rumah penduduk kampung telah dibaik pulih menerusi program *Facelift*. Kerja-kerja mengecat rumah penduduk, kerja pembersihan, pengindahan, baik pulih rumah dan pemasangan peralatan oleh penduduk.

Delegasi YSD turut berpeluang melawat rumah dan *Kuala Pahang House* atau singkatannya *KP House* untuk meningkatkan interaksi antara warga UMP dan generasi muda di Kampung Kuala Pahang.

Pelaksanaan inisiatif Kuala Pahang *Facelift* 2.0 kini memberi tumpuan kepada aspek motivasi diri, literasi digital, teknologi, Kejuruteraan, Matematik dan Sains (STEM) dan bahasa Inggeris melalui penglibatan warga kerja-

Kelestarian Kampus Antara Agenda Kegemilangan

Oleh: HAZLINA FAIZAL, JABATAN HAL EHWAL KORPORAT & KUALITI (JHKK)

Agenda penghijauan kampus antara yang sering menjadi keutamaan bagi Universiti Malaysia Pahang (UMP) tahunan. Kampus utama UMP yang terletak di Mukim Kuala Pahang dibangunkan di atas tanah paya yang menghadapi cabaran utama kepada *survival* pokok-pokok yang ditanam. Struktur tanah pasir yang tidak menyiram adalah cabaran yang perlu didepani oleh UMP apabila tibanya musim tengkujuh.

Walau bagaimanapun, cabaran ini bukanlah alasan untuk UMP mengetepikan fokus untuk mewujudkan kampus hijau untuk warganya. Dewasa ini, terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa pengenalan baja organik sama ada kepada tanah pasir akan meningkatkan kesuburannya dan sifat fizikalnya. Pendekatan ini telah digunakan untuk meningkatkan nutrien pasir di tapak projek.

Tanah pasir juga mesti dibajak dengan lebih kerap berbanding tanah dari tekstur lain kerana nutrien tertiada dan di sekitar akar pokok untuk jangka masa yang lama. Menambah bahan organik akan meningkatkan pemakanan nutrien tanah berpasir. Tanah pasir juga kurang memberikan sokongan fizikal yang diperlukan terutamanya pokok kayu. Oleh itu, pokok-pokok yang ditanam memerlukan sokongan untuk beberapa tahun untuk mengelakkan ia tumbang akibat tiupan angin.

Hasil usaha dan hala tuju yang jelas di bawah kepimpinan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Siti Nurhidayah, telah mentransformasikan kampus yang tandus kepada kampus yang lebih hijau. Sebagai sebuah Universiti Teknikal, UMP tanpa berbuat apa-apa mengenai struktur tanah yang tandus. Satu usaha yang menyeluruh telah digerakkan oleh Canselor sendiri.

Hasilnya telah dapat dilihat pada hari ini apabila UMP telah berjaya untuk menempatkan diri di kedudukan ke-107 dalam Penarafan *UI GreenMetrics World University Ranking 2018* yang telah diumumkan pada 19 Disember 2018 di Indonesia, Indonesia.

Pencapaian di dalam Penarafan *UI GreenMetrics World University Ranking 2018* menyaksikan UMP telah meningkatkan kedudukannya berbanding di kedudukan ke-107 dalam penarafan 2017. Penilaian yang dibuat melalui enam kategori *Energy & Climate Change, Waste, Water, Transportation* dan *Education* memperlihatkan UMP telah meningkatkan keseluruhannya.

Tahniah warga UMP.

- 67 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

